



Penyakit Buah Pinggang dan Analgesia (Ubat Penahan Sakit)

APAKAH ITU ANALGESIA?

Analgesia merupakan ubat penahan sakit dan ubat demam. Ia juga boleh mengawal inflamasi (radang). Kebanyakan ubat-ubat ini boleh dibeli di farmasi. Contoh ubat ini adalah Aspirin, Ponstan, Ibuprofen, Ketoprofen dan Sodium Naproxen. Kebanyakan ubat penahan sakit ini menggabungkan pelbagai jenis bahan tahan sakit dalam satu pil. Analgesia ini yang sering dikaitkan dengan penyakit buah pinggang.

BAGAIMANA ANALGESIA BOLEH MENJEJASKAN BUAH PINGGANG?

Anda haruslah mendapatkan nasihat daripada doktor sebelum mengambil ubat ini terutamanya jika anda mempunyai penyakit buah pinggang. Pengambilan dos yang tinggi atau untuk jangka masa yang panjang boleh

Pengambilan ubatan ini secara berpanjangan dan dalam kuantiti yang banyak berisiko untuk merosakkan buah pinggang. Oleh itu, pengambilan ubatan ini haruslah diambil mengikut preskripsi doktor.

mengakibatkan atau memburukkan lagi penyakit buah pinggang anda. Ubat ini tidak seharusnya diambil melebihi 10 hari sebagai ejen penahan sakit dan tidak melebihi 3 hari untuk demam. Sekiranya sakit atau demam anda berpanjangan, anda haruslah berjumpa dengan doktor untuk mendapatkan rawatan lanjut.

Sekiranya anda mempunyai penyakit buah pinggang, Nonsteroidal anti-inflammatory drugs (NSAIDs), COX-II inhibitors dan aspirin dos tinggi adalah tidak digalakkan. Sungguhpun anda tidak mempunyai penyakit buah pinggang, pengambilan analgesia haruslah:

- Menepati preskripsi doktor atau berdasarkan label yang terdapat pada ubat
- Mengambil pada dos yang paling minimum
- Mengambil pada jangka masa yang singkat

ASPIRIN

Pengambilan aspirin pada kadar biasa mengikut dos yang ditetapkan oleh doktor tidak akan meningkatkan risiko kerosakan buah pinggang. Namun, pengambilan dos yang tinggi boleh menyebabkan kerosakan buah pinggang. Pesakit buah pinggang atau bagi mereka yang mempunyai penyakit lain seperti penyakit berkaitan hati atau pesakit jantung, tidak digalakkan mengambil aspirin tanpa mendapatkan nasihat doktor terlebih dahulu.

NONSTEROIDAL ANTI-INFLAMMATORY DRUGS (NSAIDS)

Nonsteroidal anti-inflammatory drugs (NSAIDs) adalah salah satu kumpulan ubat penahan sakit. Kebanyakan NSAIDs boleh dibeli di farmasi, seperti ibuprofen, sodium naproxen dan ketoprofen. NSAIDs yang diambil mengikut dos yang ditetapkan tidak mendatangkan kemudaratan, tetapi sekiranya anda mempunyai penyakit buah pinggang, anda dinasihatkan untuk tidak mengambil ubat daripada kumpulan ini.

Mereka yang mempunyai penyakit buah pinggang, penyakit berkaitan hati, tekanan darah tinggi, penyakit jantung, berumur melebihi 65 tahun dan mereka yang mengambil ubat diuretik, dinasihatkan agar mendapatkan nasihat doktor terlebih dahulu sebelum mengambil ubat-ubatan ini kerana NSAIDs boleh meningkatkan risiko kerosakan buah pinggang.

KESAN SAMPINGAN KEPADA ASPIRIN DAN NSAIDS

- Pembentukan ulser di bahagian perut
- Pendarahan perut/usus

APAKAH CARA UNTUK MENGETAHUI SAMA ADA ANALGESIA TELAH MEROSAKKAN BUAH PINGGANG?

Ujian "Serum Creatinine" mengukur jumlah bahan kumuh dalam darah yang kebiasaannya akan dibuang oleh buah pinggang. Sekiranya buah pinggang tidak berfungsi dengan sempurna, tahap serum creatinine dalam darah akan meningkat. Serum creatinine boleh digunakan untuk mengukur tahap fungsi buah pinggang. Ujian air kencing untuk mengukur kadar protein dalam air kencing juga boleh dilakukan. Kadar protein yang tinggi dalam air kencing, merupakan tanda awal kerosakan buah pinggang.

PENYAKIT BUAH PINGGANG YANG BERPUNCA DARIPADA ANALGESIA BOLEH DIELAKKAN

Terdapat beberapa perkara yang anda boleh lakukan untuk membantu buah pinggang anda berada dalam keadaan yang sihat.

- Elakkan pengambilan ubat yang dibeli daripada farmasi lebih dari 10 hari untuk tahan sakit atau lebih dari 3 hari untuk demam. Anda harus berjumpa dengan doktor sekiranya sakit atau demam anda berterusan
- Sekiranya anda mempunyai penyakit buah pinggang, anda harus mendapatkan nasihat doktor sebelum mengambil analgesia terutamanya NSAIDs dan COX II inhibitors
- Sekiranya anda mempunyai penyakit jantung, tekanan darah tinggi, penyakit buah pinggang, penyakit berkaitan hati atau mengambil ubat diuretik ataupun berumur lebih daripada 65 tahun, sila dapatkan nasihat doktor sebelum mengambil NSAIDs atau COX II inhibitors

DAPATKAN NASIHAT SEKIRANYA MEMPUYAI SEBARANG PERSOALAN

Sekiranya anda masih mempunyai sebarang keraguan berkenaan analgesia atau kesihatan buah pinggang, anda boleh menghubungi mana-mana ahli pasukan DaVita di talian bebas tol:

1-800-180-780

